

2 September 2025

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan AUDIT PENSIJILAN SEMULA MSPO
TAHUN KEDUA ke atas FELDA GUGUSAN TROLAK**

FELDA GUGUSAN TROLAK telah melantik Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. (TRANS) untuk melaksanakan Audit Pensijilan Semula Tahun Kedua Malaysian Sustainable Palm Oil di unit pengurusannya. Audit Pensijilan Semula Tahun Kedua MSPO ini akan dilaksanakan ke atas **10 ladang kelapa sawit** yang diuruskan oleh **FELDA GUGUSAN TROLAK**.

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. merancang untuk melaksanakan audit pensijilan bagi **FELDA GUGUSAN TROLAK** pada **29-02.10.2025**. Audit pensijilan ini akan dilaksanakan mengikut MS 2530:2022 : Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) - Part 2.2: General principles for organised smallholder (less than 40.46 hectares). Salinan Standard MS 2530:2022 - 2.2 boleh didapati daripada Jabatan Standard Malaysia melalui : <https://mysol.jsm.gov.my>.

Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Nama Ladang	Alamat	Rujukan GPS	Luas Kawasan (ha)
Rancangan FELDA Sg Klah	FELDA Sungai Klah, 35600 Sungkai, Perak	3.9865, 101.3684	1541.09
Rancangan FELDA Trolak Utara	FELDA Trolak Utara, Ladang Felda Trolak Utara, Mukim Sungkai, Batang Padang, Perak	3.9532, 101.2297	1867.37
Rancangan FELDA Trolak Selatan	FELDA Trolak Selatan, Mukim Sungkai Dan Slim, Batang Padang, Perak	3.9159, 101.3847	2427.96
Rancangan FELDA Trolak Timur	FELDA Trolak Timur, Mukim Slim, Batang Padang, Perak	3.5621, 101.2439	2665.76
Rancangan FELDA Sg Behrang	FELDA Sg Behrang, Mukim Ulu Bernam Timur, Slim River, Perak	3.7769, 101.4565	1899.29
Rancangan FELDA Besout 01	FELDA Gunong Besout 1, 35600 Sungkai, Perak	3.8970, 101.2693	2216.72
Rancangan FELDA Besout 02	FELDA Gunong Besout 01, 35600 Sungkai, Perak	3.9298, 101.3658	2074.94
Rancangan FELDA Besout 03	FELDA Gunong Besout 03, 35600 Sungkai, Perak	3.8223, 101.2986	1081.19
Rancangan FELDA Besout 04	FELDA Gunong Besout 04, 35600 Sungkai, Perak	3.7802, 101.2739	885.74
Rancangan FELDA Besout 05	FELDA Gunong Besout 05, Mukim Ulu Bernam Barat, 35600 Batang Padang, Perak	3.7195, 101.2969	409.30

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TRANS adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TRANS telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. TRANS telah

mewujudkan satu prosedur khusus bagi rungutan dan aduan, yang boleh di dapati di laman web: <https://transcert.com.my/complaint-procedure/>.

Pasukan audit dari TRANS yang akan melaksanakan audit pensijilan di **FELDA GUGUSAN TROLAK** terdiri daripada:

- i) Encik Azmi b Adnan sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Kesihatan dan Keselamatan Pekerja dan Sosial & Amalan Baik)
- ii) Encik Asnawi Nazran b Zaili sebagai Juruaudit (Aspek Kebolehejekan, Aspek Undang-Undang & Aspek Persekitaran dan HCV)
- iii) Encik Fikhri Haizum b Isamuddin sebagai Juruaudit (Aspek Kebolehejekan, Aspek Undang-Undang & Aspek Persekitaran dan HCV)
- iv) Encik Mohamad Nadzmi b Mohmad Sakarno sebagai Juruaudit dalam Latihan (Aspek Kebolehejekan, Aspek Undang-Undang & Aspek Persekitaran dan HCV)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Nama Ladang	Alamat	Rujukan GPS	Tarikh & Masa
Rancangan FELDA Trolak Utara	FELDA Trolak Utara, Ladang Felda Trolak Utara, Mukim Sungkai, Batang Padang, Perak	3.9532, 101.2297	29 September 2025 10:00 am
Rancangan FELDA Trolak Timur	FELDA Trolak Timur, Mukim Slim, Batang Padang, Perak	3.5621, 101.2439	30 September 2025 10:00 am
Rancangan FELDA Besout 02	FELDA Gunong Besout 01, 35600 Sungkai, Perak	3.9298, 101.3658	1 Oktober 2025 10:00 am
Rancangan FELDA Besout 05	FELDA Gunong Besout 05, Mukim Ulu Bernam Barat, 35600 Batang Padang, Perak	3.7195, 101.2969	2 Oktober 2025 10:00 am

Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk mengirimkan email berkaitan isu yang ingin dibangkit kepada Juruaudit semasa / selepas Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami dengan mengembalikan borang maklum balas yang dilampirkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat ini dikeluarkan. Jika perlu, pasukan audit akan mengaturkan mesyuarat atau perbincangan melalui telefon semasa atau sebelum audit di lokasi bagi mendapatkan maklumat lanjut. Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT". Kami memberi jaminan bahawa sumber maklumat yang diterima akan dianggap sulit dan sebarang pendedahan terhadap sumber adalah dengan persetujuan dari pihak tuan/puan.

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,



NURUL BASYIRAH BT BAHRUM

Penyelaras Skim MSPO

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd

BORANG MAKLUM BALAS

Kepada :

Penyalaras Skim MSPO

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd.

No. B30, Tingkat 1,

Jalan IM2/5, Bandar Indera Mahkota,

25200 Kuantan Pahang

Tel: +609-5751333.

Email: info@transcert.com.my

MAKLUM BALAS MENGENAI AUDIT MSPO DI :

Saya ingin mengesahkan bahawa :

☐ Tidak mempunyai sebarang isu untuk dibangkitkan terhadap audit yang akan dijalankan.

☐ Mempunyai isu-isu berikut terhadap audit yang akan dijalankan:

☐ Isu berkaitan permatuhan Undang-Undang :

Huraian: _____

☐ Isu berkaitan aspek sosial :

Huraian: _____

☐ Isu berkaitan alam sekitar :

Huraian: _____

☐ Isu berkaitan keselamatan dan kesihatan :

Huraian: _____

☐ Lain-lain :

Huraian: _____

Saya ingin membuat perbincangan antara pasukan Trans dengan pihak berikut untuk lebih lanjut:

Nama :

Jawatan :

No. Telefon :

Alamat e-mel :

Terima Kasih,

Yang Benar,

.....

Nama :

Alamat :

No Tel :